


Jilid I
Bil. 7



Hari Selasa
11hb Julai, 1995

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES


DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid I
Bil. 7



Hari Selasa
11hb Julai, 1995

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KESEMBILAN

Ninth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

MESYUARAT PERTAMA

First Meeting

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 13]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1995 [Ruangan 50]

Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 1995 [Ruangan 62]

Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 1995 [Ruangan 68]

Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1995 [Ruangan 72]

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 49]**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
1997

MALAYSIA

PARLIMEN KESEMBILAN—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK CHONG KAH KIAT, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M. . (Dilantik).
- „ TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- „ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN DING SELING (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN, P.P.T., P.J.K. (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).
- „ TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor).
- „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JANGGU ANAK BANYANG, P.B.K. (Sarawak).
- „ DATUK JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ TUAN KAN KOK KWAN, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat PUAN KELSOM BINTI YAACUB, A.M.P., P.J.K. (Pahang).
- „ PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOW KAI MENG, P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN N. MARIMUTHU A/L NADESAN, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN MASTIKA JUNAIDAH BINTI HUSIN (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN NG SEE TIONG, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor).
- „ DATO' (IR.) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ DR. NG YEN YEN, P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN YUNOS, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH, P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ TUAN HAJI SALLEH *alias* HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- „ PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SELEMIAH BINTI HASHIM (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN TAN SON LEE (Kedah).
- „ DATO' V.K.K. TEAGARAJAN, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATO' TING CHECK SII, D.I.M.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.M., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).
- „ TUAN M. ZEEVILL *alias* SHANMUGAM A/L R.M.S. MUTAYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik.

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

Haji Suhor bin Husin.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajah Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Selasa, 11hb Julai, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA
BERSATU—PERANAN
KERAJAAN MALAYSIA**

1. Tuan Haji Saidin bin Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kerajaan akan memainkan peranan yang lebih serius dalam menegakkan keadilan PBB dengan membawa negara yang sedar betapa pentingnya PBB yang dikongkong oleh kuasa-kuasa besar dan memperalatkan PBB sehingga beberapa negara kecil tertindas.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mendukung beberapa prinsip-prinsip murni sebagai landasan dalam hubungan antarabangsa. Di antara prinsip-prinsip tersebut ialah prinsip "sovereign equality" hak persamaan kedaulatan kepada semua negara-negara anggotanya tanpa mengira sama ada negara itu kecil ataupun besar. Namun demikian, semenjak penubuhan badan dunia ini 50 tahun yang lalu memanglah nyata

terdapat kelemahan-kelemahan pada pertubuhan ini yang perlu diatasi agar badan dunia ini dapat menjalankan peranan dan fungsinya dengan lebih adil dan berkesan lagi. Ke arah ini, beberapa usaha serius telah dijalankan oleh badan dunia ini untuk mengkaji semula struktur dan peranan pertubuhan ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu Kumpulan Kerja telah ditubuhkan pada tahun lalu untuk mengkaji semula struktur Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kumpulan Kerja ini dibuka kepada semua negara-negara anggota PBB. Malaysia telah mengambil peranan yang aktif dalam Kumpulan Kerja ini dan telah mengemukakan beberapa cadangan supaya Majlis Keselamatan PBB dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menangani soal-soal keamanan dan keselamatan dunia.

Di antara cadangan-cadangan yang disyorkan oleh negara kita ialah untuk menambahkan bilangan anggota-anggota bukan tetap Majlis tersebut sejajar dengan penambahan anggota PBB yang kini telah meningkat sebanyak 185 buah negara. Penambahan ini mestilah mengambil kira prinsip "equitable geographical" di mana bilangan anggota bukan tetap di Majlis Keselamatan khususnya dari negara-negara membangun perlu ditambah lagi.

Malaysia juga telah memberi pandangan yang serius terhadap hak kuasa veto yang dimiliki oleh anggota-anggota tetap Majlis Keselamatan. Dalam hubungan ini, Malaysia telah menggesa

supaya pengalaman kuasa veto ini dirombak sekiranya pemansuhannya tidak dapat dilaksanakan. Rombakan ini adalah perlu bagi memastikan proses membuat keputusan Majlis Keselamatan dibuat dengan adil dan demokratik, dan tidak dipengaruhi oleh kepentingan mana-mana negara yang menganggotai Majlis tersebut.

Negara-negara membangun melalui Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) juga telah memainkan peranan yang aktif dalam rundingan-rundingan mengkaji semula struktur dan peranan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Negara-negara tersebut bersehaluan dengan Malaysia mengenai perlunya bilangan anggota bukan tetap Majlis Keselamatan PBB ditambahkan agar badan tersebut mencerminkan "representation" yang adil dan saksama dan dapat berjalan dengan berkesan lagi.

Rundingan-rundingan mengenai kajian semula struktur Majlis Keselamatan PBB masih dijalankan dan keputusan muktamad mengenai perkara ini masih belum dapat dicapai lagi.

Tuan Haji Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan sebahagian besar anggota PBB menganggap bahawa PBB tidak mempunyai kemampuan menangani krisis atau perbalahan kenapa pembubaran PBB dan pengwujudan PBB baru tidak dibuat.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya kita masih menganggap bahawa PBB adalah satu-satunya forum dunia yang dianggotai oleh semua negara yang bebas, merdeka dan berdaulat. Dan ini memberi kesempatan kepada kita untuk membincang hal-hal yang berkaitan dengan hubungan antarabangsa dan isu-isu antarabangsa. Walaupun sebagaimana yang saya katakan pertubuhan ini ada kelemahan-kelemahannya, untuk membubarkan dan

lepas itu hendak tubuh pula satu lagi ini pun kita belum tahu sama ada dia boleh berjaya atau tidak sedangkan untuk menubuhkan pertubuhan yang baru itupun belum tahu boleh tubuh atau tidak. Jadi, pada waktu ini kita lebih suka mengambil pilihan iaitu berusaha ke arah memperbaiki lagi keberkesanan pertubuhan ini supaya dia lebih demokratik. Masalahnya ialah masalah pada peringkat Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang dalam Majlis inilah kita lihat adanya usaha-usaha kuasa-kuasa besar yang mempengaruhi apakah yang patut dilaksana dan dijalankan oleh PBB terutama sekali apabila kuasa veto itu diberikan kepada mereka.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih di atas penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kita mendapat tahu baru-baru ini bahawa keadaan kewangan PBB amat tenat dan ada kenyataan yang menyatakan bahawa PBB hampir-hampir bankrap. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri jika PBB dikongkong oleh kuasa-kuasa besar, adakah kuasa-kuasa besar ini juga mengeksploitasikan keadaan kewangan PBB dan berapakah tanggungan kewangan negara kita sebagai negara anggota PBB?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sebenarnya dalam hal ini yang mengatakan PBB hendak bankrap ini ialah Setiausaha Agungnya sendiri, maka kita anggap tentulah dia lebih maklum tentang kedudukan kewangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Yang menjadi masalah ini ialah kerana negara-negara besar, yang ekonominya besar dan wangnya pun banyak, dia banyak sangat tunggakan yang sepatutnya dia bayar tetapi dia tidak bayar. Jadi sampai peringkat tunggakan berbilion-bilion ringgit banyaknya. Oleh kerana tanggungjawab itu tidak dipenuhi, maka PBB menghadapi masalah

kewangan, tetapi bagi negara-negara yang kecil pun, saya ingat tidak susah sangat. Bagi negeri kita Malaysia, saya pun lupa berapa lama jumlah wang yang kita bayar - tidak banyak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita biasa kata dahulu, kita buat contribution. Kita buat keputusan hendak bayar contribution itu pada masa keadaan ekonomi kita itu tidak semaju seperti hari ini. Tetapi kita bersedia hendak tambah sedikitlah, dan kita ingin lihat negara-negara maju, kuasa-kuasa besar yang menggunakan PBB itu untuk mempertahankan keselamatan mereka terlebih dahulu menjelaskan hutang-hutang mereka kepada PBB dan kalau boleh meningkatkan lagi sumbangan mereka kepada PBB. Ini mesti didahulukan dan kita bersedia untuk membuat tambahan itu sekadar yang kita mampu. Jadi, inilah sikap kita dalam hal ini mengenai kewangan di PBB.

KERETA PROTON PERDANA SEBAGAI KERETA MEWAH

2. Tuan N. Marimuthu minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan rancangan kerajaan untuk menjadikan kereta Proton Perdana atau kereta mewah buatan Malaysia 100% untuk menggantikan kereta mewah yang diimport dari luar negeri ke negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein): Tuan Yang di-Pertua, pengenalan kereta Proton Perdana oleh Syarikat Proton adalah bertujuan untuk menambahkan jenis model yang dihasilkan di pasaran tempatan, dan dengan itu menambah pilihan kereta bagi pembeli. Ini menjadikan kereta-kereta Proton lebih kompetitif di pasaran tempatan.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah menggalakkan

penubuhan projek kereta nasional bertujuan untuk:

- (i) mengembang dan meningkatkan aktiviti industri kereta tempatan dan industri komponen serta sokongan kenderaan tempatan. Ini secara langsung akan dapat membuka lebih banyak peluang kepada usahawan-usahawan tempatan untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut;
- (ii) usaha kerajaan ialah untuk mempertingkatkan tahap kemahiran dalam industri ini melalui proses pemindahan teknologi pembuatan kereta tempatan. Ini dapat dilihat dari segi peningkatan paras kandungan tempatan bagi Proton yang telah mencapai melebihi 80%;
- (iii) menyediakan dan meningkatkan peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia; dan
- (iv) menghasilkan kereta yang berkualiti dan pada harga yang kompetitif untuk bersaing secara berkesan di pasaran tempatan serta di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, segala usaha-usaha ini telah membuahkan kejayaan di mana kereta-kereta Proton telah menembusi pasaran antarabangsa dan mengharumkan nama negara sebagai salah sebuah negara pengeluar kereta di dunia.

Adalah tidak mustahil bagi kereta Proton Perdana menggantikan kereta-kereta mewah yang diimport sekiranya ia berjaya memenuhi selera dan kehendak pembeli-pembeli kereta tempatan di dalam kategori 2000 c.c. ini. Pelancaran Proton Perdana adalah satu langkah ke hadapan ke arah ini.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasihlah atas jawapan tadi, jadi saya cuma hendak bertanya mengapa kementerian tidak bercadang kereta nasional, Proton Perdana ataupun kereta mewah buatan Malaysia sebagai kereta rasmi untuk Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen (SUP) dan pegawai kerajaan yang selama ini menggunakan kereta mewah import?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, pada masa ini masa menunggu untuk tempahan mendapatkan kereta tempatan adalah lama melebihi 8 bulan.

Saya berpendapat bahawa kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mementingkan rakyat lebih daripada diri sendiri, memberikan kenikmatan (*Ketawa*) kepada rakyat untuk menggunakan Proton Perdana terlebih dahulu, sebab itulah kita diberikan mandat begitu besar pada pilihanraya umum yang baru lalu.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah pihak kementerian telah menjalankan siasatan terhadap Proton baru yang telah dijual sebagai Proton terpakai dan harganya lebih tinggi?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, MITI telah diberikan tanggungjawab hanya untuk mengawal harga jualan bersih bagi kenderaan bermotor yang dipasang di dalam negeri, dan harga 6 aksesori wajib yang akan dipasangkan pada kenderaan tersebut serta pengubahan dasar-dasar yang berkaitan dengan industri kenderaan bermotor.

Saya menasihati Ahli Yang Berhormat bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh pembeli mengenai perkara-perkara seperti harga jualan Proton dengan

premiumnya atau masalah-masalah lain, seperti aksesori pilihan atau dipaksa untuk membiayai pembelian kereta mereka dengan cara yang tertentu, menghubungi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga pihak syarikat pembuat kereta tersebut.

Sukacita juga saya ingin menekankan di sini bahawa walaupun Proton merupakan syarikat kereta nasional, ianya adalah sebuah syarikat awam yang tertakluk kepada keperluan keadaan dan desakan pasaran. Kerajaan tidak mahu terlalu campurtangan dalam perniagaannya kecuali apabila keadaan memerlukan dan sekiranya kita dapat laporan-laporan tertentu daripada pihak kementerian-kementerian yang terlibat. Jadi, saya menasihati Yang Berhormat untuk membuat laporan supaya tindakan yang sewajarnya boleh dibuat.

AKTA PERLINDUNGAN KANAK-KANAK BAGI KES PENDERAAN KANAK-KANAK

3. **Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menjelaskan apakah Akta Perlindungan Kanak-kanak yang ada sekarang mencukupi di dalam memberi perlindungan kepada kanak-kanak di negara ini terutamanya di dalam kes-kes penderaan yang semakin meningkat sekarang. Juga mungkin beliau ingin menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya peningkatan kadar kes-kes penderaan kanak-kanak ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan G. Palanivel): Tuan Yang di-Pertua, Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 adalah hasil pindaan kepada Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947. Akta Perlindungan Kanak-kanak ini adalah lebih komprehensif serta jelas tentang takrif-takrif kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Ia juga

memperuntukkan hukuman yang lebih berat ke atas pendera kanak-kanak jika bersabit kesalahannya. Hukuman ke atas pendera dalam Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 adalah penjara sehingga 5 tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya.

Satu peruntukan yang sangat berkesan dalam Akta ini adalah yang mewajibkan pengamal perubatan yang berdaftar atau doktor perubatan memberitahu pelindung, jika ia mensyaki kanak-kanak yang dirawatnya itu seorang kanak-kanak yang teraniaya, dengan ini pelindung dapat menyelamatkan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan segera.

Akta Perlindungan Kanak-kanak juga menyediakan peruntukan bagi menubuhkan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di setiap negeri, dan daerah dengan tujuan memberi perkhidmatan pencegahan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak yang dikenalpasti berisiko tinggi serta memerlukan perlindungan.

Pasukan Perlindungan boleh menyediakan aktiviti-aktiviti dan program pencegahan sebagai langkah untuk mencegah dan membanteras penganiayaan kanak-kanak. Akta ini menyediakan peruntukan bagi menubuhkan pusat-pusat aktiviti kanak-kanak di seluruh Malaysia untuk memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak yang teraniaya dan keluarga yang berisiko tinggi.

Di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak juga pendera boleh dikenakan syarat menghadiri sesi kaunseling. Kemungkinan besar pendera dapat dipulihkan melalui kaedah kaunseling.

Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya peningkatan kes-kes penderaan kanak-kanak ialah tekanan dalam hidup seharian disebabkan oleh masalah sosial dan ekonomi di mana kanak-kanak dijadikan objek untuk

melepaskan geram. Perceraian di antara suami-isteri menyebabkan kanak-kanak dipelihara oleh ibu bapa tiri atau saudaramara serta kanak-kanak ini menjadi mangsa penderaan disebabkan penjaga berkenaan tidak sabar dalam mengasuh dan mendidik kanak-kanak di bawah jagaannya.

Ibu bapa kurang pengalaman dan mengasuh anak-anak serta tidak faham tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing sebagai suami dan isteri atau ibu bapa. Di samping itu ibu bapa tidak mendapat sokongan keluarga serta kurang dalam didikan agama dan moral.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lama lagi?

Tuan G. Palanivel: Ada lagi tiga sebab.

Tuan Yang di-Pertua: Ada tiga sebab? Berapa lama lagi? Panjangkah?

Tuan G. Palanivel: Satu minit.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan G. Palanivel: Kehendak serta harapan ibu bapa/penjaga anak-anak terlalu tinggi dan melebihi keupayaan anak-anak. Ibu bapa dan penjaga tidak sabar berhadapan dengan kanak-kanak yang tidak dapat memenuhi kehendak harapan mereka yang luar biasa. Pendedahan oleh media massa tentang kes-kes penderaan telah juga memberi kesedaran kepada masyarakat untuk tampil ke hadapan dan membuat laporan mengenai perkara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saad Man, panjang ya? Saya percaya lebih daripada yang dikehendaki!

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jawapan yang panjang itu telah pun begitu jelas.

Mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, kanak-kanak mempunyai Akta Perlindungan Kanak-kanak dan di bawah kementerian ini juga bagi wanita ada mempunyai Akta Perlindungan Wanita dan hari ini saya terbaca dalam akhbar terdapat suami yang didera oleh isteri. Jadi, Akta manakah yang akan digunakan bagi melindungi suami yang demikian?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim, penderaan yang macam mana itu?

Tuan Rahim bin Baba: Saya tidak sempat hendak bertanya kepada pemberita.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mendapat laporan yang lebih terperinci kita boleh siasat dan boleh memberikan satu jawapan yang terperinci. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, saya ingin tahu adakah Akta ini juga memberi kuasa kepada jiran untuk membuat laporan seperti yang dibekalkan mengikut apa yang dinyatakan tadi kepada pengamal perubatan (*medical practitioner*) mengenai penderaan?

Soalan kedua ialah mengenai pusat-pusat di seluruh Malaysia yang dinyatakan tadi, adakah ini sudah pun dirancang dan seterusnya telah ditubuhkan?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, sesiapa pun boleh memberikan maklumat kepada pelindung, polis ataupun kepada media massa melalui TELEDERA dan apabila kita mendapat laporan, kita boleh menyiasat.

Soalan yang kedua tadi, saya merayu kepada Yang Berhormat ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tentang pusat-pusat. (*Ketawa*)

Tuan G. Palanivel: Pusat-pusat? Oh! kita sudah jawab, banyak pusat-pusat sudah ditubuhkan di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah iaitu pusat-pusat kanak-kanak dan pusat-pusat aktiviti kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak pusat itu! (*Ketawa*)

Tuan G. Palanivel: Saya sudah jawab banyak kali.

KL TOWER—JANGKAAN SIAP DAN FUNGSI

4. Tuan Michael Bong Thiam Joon minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada:

- (a) perjalanan sistem pos di negara ini mencapai matlamat untuk memberi perkhidmatan yang cekap dan memuaskan kepada masyarakat negara ini;
- (b) apakah usaha kementerian untuk memberikan kemudahan asas kepada masyarakat luar bandar dan juga kalangan setinggan di pinggir kota besar seperti Kuala Lumpur;
- (c) bilakah KL Tower akan siap dan apakah fungsi tersebut dari segi meningkatkan kemajuan sistem telekomunikasi di negara ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Perkhidmatan pos telah diperbadankan pada tahun 1992 dengan objektif untuk memberikan perkhidmatan yang ulung, berprestasi popular dan profesional. Penyerahan dan pengutipan surat-surat dilakukan di seluruh negara sama ada kawasan bandar atau luar bandar.

Pemodenan sistem pos negara akan terus dilaksanakan selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara. Pendek kata, perkhidmatan pos di negara ini setakat ini adalah memuaskan.

- (b) Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sangat peka kepada kawasan-kawasan luar bandar dan pinggir kota untuk mendapat bekalan elektrik, telekomunikasi dan pos. Semua syarikat perbekalan elektrik, telekom dan pos disyaratkan dalam lesen masing-masing memberikan perkhidmatan asas ini di semua kawasan luar bandar dan pinggir kota. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pemberian perkhidmatan ini perlulah mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada oleh Majlis-majlis Kerajaan Tempatan, Dewan Bandaraya dan sebagainya.
- (c) Menara Kuala Lumpur akan disiapkan pada akhir tahun 1995 dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada pertengahan tahun 1996. Menara ini berfungsi sebagai stesen induk telekomunikasi untuk Lembah Kelang dari segi penghantaran dan penerimaan suara, data, imej dan penyiaran radio dan televisyen. Ia berfungsi pusat tarikan pelancong dengan kemudahan pelantar pemerhati, restoran berputar dan dewan teater.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa banyak kampung di kawasan luar bandar yang sering bergelap dan kadang-kadang ada cahaya-cahaya samar kerana bekalan tidak mencukupi iaitu penggunaan melebihi keupayaan. Soalannya begini, jika benar, adakah kerajaan bercadang untuk memberi lebih keutamaan untuk menyelesaikan masalah begini supaya

penduduk di luar bandar tidak selalu bergelapan dalam jangka masa yang panjang. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bekalan elektrik setakat ini adalah mencukupi. Masalahnya kekurangan bekalan. Berapa tempat masih lagi menghadapi kekurangan adalah disebabkan oleh 'low voltage area', dengan izin. Maka kementerian saya melalui TNB telah pun memperuntukkan satu peruntukkan yang besar untuk mengatasi masalah ini dan program ini telah pun dijalankan dan saya harap pada tahun depan perkara ini akan dapat diselesaikan.

KERETA API ELEKTRIK— KADAR BAYARAN PENUMPANG

5. Tuan Tan Son Lee minta Menteri Pengangkutan menyatakan jika projek perkhidmatan rail kereta api secara 'double tracking electric train' yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.5 bilion disiapkan melalui:

- (a) berapa banyak penumpang akan mendapat faedah dari segi pengangkutan setiap hari;
- (b) bagaimana kadar bayaran oleh penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini akan dikenakan;
- (c) selepas perkhidmatan dari Rawang, Kuala Lumpur ke Seremban destinasi manakah akan disambung; dan
- (d) pada jangkaan kementerian, bilakah semua destinasi dalam seluruh negara akan mendapat perkhidmatan tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat;

- (a) Perkhidmatan 'train commuter' ini akan dapat menampung sejumlah 14,000 penumpang

sehari ataupun 5.1 juta penumpang bagi satu tahun.

(b) Kadar bayaran yang akan dikenakan adalah kompetitif dan ianya sedang ditimbang-

(c)&(d) Kerajaan sememang mempunyai rancangan jangka panjang untuk meningkatkan perkhidmatan kereta api di Semenanjung Malaysia. Pada masa ini, kajian sedang dijalankan untuk mengkaji sistem kereta api yang sesuai di negara ini dan jangka masa pelaksanaannya juga sedang dalam kajian.

KAD PENGENALAN BERMUTU TINGGI— KESUKARAN PEMOHON

6. **Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada proses pengeluaran Kad Pengenalan Bermutu Tinggi akan dapat dipercepat dan dilicinkan bagi mengelakkan sebarang kesukaran kepada pemohon-pemohon yang ingin mendapatkan kad pengenalan biru.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah berusaha untuk mempercepatkan dan melicinkan proses permohonan dan pengeluaran kad Pengenalan bermutu tinggi. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

(i) Pemohon-pemohon tidak perlu lagi mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti sijil kelahiran ataupun sijil kewarganegaraan dan pemohon hanya perlu membawa kad pengenalan lama mereka bersama-sama dengan tiga keping gambar hitam putih dan setem sahaja.

(ii) Untuk membantu bagi memudahkan lagi pemohon, mulai sekarang borang permohonan baru ataupun borang JPN 1/2A yang lebih ringkas hanya satu helai/satu muka sahaja yang lebih senang diisi telah pun digunakan dan langkah yang seterusnya ialah untuk mengelakkan mereka daripada menghadapi sebarang kesulitan kerana terpaksa menunggu satu tempoh yang sangat lama sebelum mendapat kad pengenalan baru. Mereka sekarang bolehlah menyimpan kad pengenalan lama sehingga kad pengenalan baru itu siap kecuali kad pengenalan lama itu sudah rosak. Selain daripada itu, sudah ada unit-unit untuk pergi ke khalayak ramai termasuk kompleks membeli-belah dan tempat-tempat yang didapati banyak orang ramai. Itulah antara langkah-langkah yang kita gunakan.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah bentuk tindakan yang akan diambil oleh kerajaan kepada mereka yang tidak menukar daripada kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru yang bermutu setelah tarikh yang ditetapkan oleh kerajaan tamat.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Pendaftaran 1990 memang sudah ada peruntukan untuk menghukum mereka kalau sekiranya tarikh yang ditetapkan itu telah pun tamat. Kalau sekiranya kerajaan tidak melonggarkan atau melanjutkan lagi tempoh, maka mereka boleh dikenakan sekurang-kurangnya hukuman denda sehingga RM2,000 ataupun RM3,000.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pada Timbalan Menteri mengenai istilah yang

kita gunakan kad pengenalan bermutu tinggi. Nampaknya kad yang lama lebih baik lagi, dengan izin, lebih lasting lagi, kerana yang baru ini nampaknya mudah terkoyak (*sambil menunjuk kad pengenalan*). Ini contohnya, saya punya sendiri. Walau saya jaga baik-baik, tetapi yang lama itu nampaknya lebih bermutu tinggi. Saya ingin tahu apakah istilah ini tepat ataupun adakah kerajaan hendak mengubah atau memperbaiki lagi mutu yang baru ini? (*Ketawa*)

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang istilah bermutu tinggi ini nampaknya adalah keliru sedikit. Sebenarnya bukan dari segi kualiti, tetapi fizikal yang bermutu tinggi. Maksud bermutu tinggi ialah ciri-ciri keselamatan itu tinggi. (*Ketawa*) Kad pengenalan baru ini ada beberapa ciri-ciri keselamatan, termasuk komputer kodnya dan juga kertas itu adalah bukan kertas biasa. Kalau kita tengok bandingkan kad pengenalan plastik, kad plastik itu sekarang siapa-siapa pun boleh buka kilang untuk membuat. Jadi, itu bukan lagi selamat. Terdapat sindiket yang pernah kerajaan tahan di bawah ISA, mereka sudah buka kilang, dia buat kad plastik dan jual kepada pendatang tanpa izin, satu kad RM500 sudah jadi kaya. Jadi, itu tidak selamat kalau kita benarkan kad itu berleluasa begitu. Itu sebabnya kad bermutu tinggi dari segi ciri-ciri keselamatan ini diperkenalkan dan kerajaan juga tahu akan kelemahannya. Pada satu ketika kad ini dari segi kualiti fizikal memang senang koyak. Tetapi pihak pembekal telah pun mengambil tindakan untuk membekalkan kualiti fizikal yang lebih baik, di mana cara mereka membuat pembalut itu telah pun ditingkatkan dari segi mutu. Bukan sahaja Yang Berhormat punya koyak, ada beberapa orang menteri punya kad pun sudah koyak. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Tuan Ding Seling cuba hendak koyak. (*Ketawa*) Cuba koyak! Tak apa. Datuk Johan.

Datuk Johan B.O.T. Ghani: Ini fasal kad bermutu tinggi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Saya ada dua kad, dalam pandangan yang Berhormat, mana yang baik dan manakah yang baru?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, baru sahaja saya terangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baru disebut.

Tuan Ong Ka Ting: Pada satu hari nanti bila exercise ini telah tamat, baru kita tahu kebaikannya, sebab semua kad ini boleh kita guna komputer untuk semak semua maklumat di dalam kad itu. Tetapi kad plastik itu tidak boleh kita guna komputer. Jadi, senang orang tipu.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri adakah benar pemegang resit kad pengenalan sementara tidak dibolehkan untuk memohon international passport?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa jenis resit kad pengenalan, kalau sekiranya resit itu merupakan resit JPN 1/9, makna resit itu boleh diiktiraf sebagai kad pengenalan asal. Pihak Jabatan Imigresen mesti kena keluarkan passport antarabangsa kepada pemegang resit JPN 1/9 itu sebagaimana beliau ada kad pengenalan asal. Cuma bagi kad pengenalan seperti JPN 1/11 ataupun borang yang baru diperkenalkan resit sementara yang kecil itu, kedua-dua resit itu tidak sama taraf.

Saya tidak boleh buat satu kesimpulan dengan langkah-langkah baru ini bila kad lama itu telah pun boleh dikekalkan simpan, maka tidak ada masalah passport antarabangsa ini. Cuma bagi mereka pada satu ketika dahulu, dua, tiga tahun sudah pohon, belum dapat kad, golongan inilah akan menghadapi sedikit masalah dia masih pegang resit JPN 1/9. Itu pun Kementerian Dalam Negeri telah mengarahkan Imigresen supaya layan

pemegang ini bagi pasport antarabangsa, sah laku lima tahun. Kami sedar beberapa tempat Jabatan Imigresen mungkin masih belum dapat arahan yang jelas, dan Kementerian Dalam Negeri kalau dapat maklumat itu kita akan arahkan selanjutnya memastikan ini tidak akan jadi satu masalah kepada rakyat.

BANK SIMPANAN NASIONAL- KEMAJUAN GALAKAN PELABURAN

7. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Kewangan menyatakan kemajuan yang dicapai oleh Bank Simpanan Nasional dalam pelaburan dan juga penggalakan simpanan-penyimpanan di Bank ini dan apakah sambutan orang ramai terhadap Sijil Premium yang mengadakan cabutan bulanan sebagai tarikan untuk rakyat negara ini menyimpan di Bank Simpanan Nasional dan jika ini benar, adalah hadiah-hadiah cabutan ini akan diperbanyakkan lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, Bank Simpanan Nasional (BSN) ditubuhkan pada tahun 1974 telah mencatatkan prestasi yang memuaskan dalam pelaburannya. Dalam usaha untuk mengembleng simpanan dan menggalakan orang ramai terutama generasi muda berjimat cermat, BSN telah pun memperkenalkan pelbagai skim simpanan dan perkhidmatan yang mampu memenuhi cita rasa simpanan yang semakin hari semakin canggih permintaan dalam urusan kewangan.

Skim GIRO, produk utama Bank Simpanan Nasional sejak dilancarkan pada tahun 1987 telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan. Jumlah penyimpannya telah melebihi 4.73 juta orang dengan simpanan berjumlah RM1.8 ribu juta.

Untuk makluma: Ahli Yang Berhormat, peningkatan akaun baru yang dibuka dalam skim GIRO ialah di antara 40,000-50,000 akaun setiap bulan. Di samping GIRO, lain-lain produk terus menarik perhatian simpanan-penyimpanan kecil ialah Akaun Simpanan Biasa, Skim Sijil Simpanan Premium, Skim Galakan Simpanan Pelajar-pelajar, Skim Simpanan Tetap, Kad Kredit VISA, Skim Simpanan Dari Pendapatan, Baucer Hadiah, Skim Sewa Beli Kereta dan lain-lain.

Bank Simpanan Nasional melabur tidak kurang dari 60% wang depositnya dalam sekuriti kerajaan. Di samping itu, BSN juga telah melabur tidak kurang dari 20% dalam stok-stok saham amanah mengikut Akta Saham Amanah. Sehingga kini, jumlah simpanannya dari semua pendeposit-pendeposit atau pelanggan pelbagai kaum, bangsa dan lapisan masyarakat adalah sebanyak RM4.6 ribu juta.

Tuan Yang di-Pertua, Sijil Simpanan Premium (SSP) yang mengadakan cabutan bulanan sentiasa mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan. Setakat ini, jumlah simpanan bersih bagi SSP ialah RM272.68 juta dengan jumlah pemegang sijil seramai 903,500 orang. Bagi hadiah-hadiah cabutan ini, adalah dimaklumkan bahawa bilangan hadiah telah pun ditambahkan dari 167 hadiah bagi setiap cabutan kepada sebanyak 350 hadiah pada tahun ini. Jumlah peruntukan disediakan bagi hadiah-hadiah adalah berjumlah RM4.2 juta setahun dan BSN akan menambahkan jenis dan bilangan hadiah dari masa ke semasa bergantung kepada sambutan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi Bank Simpanan Nasional telah pun begitu aktif di bidang pelaburan dan juga pasaran kewangan.

Saya percaya Yang Berhormat sedia maklum bahawa Bank Simpanan Nasional ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan tidak terikat kepada Banking Act ataupun Bafia. Jadi, adakah pihak kementerian kerana aktifnya Bank Simpanan Nasional ini akan meletakkan Bank Simpanan Nasional tertakluk kepada Banking Act ataupun Bafia?

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini apa yang hendak kita lakukan ialah untuk membentuk budaya kepada penduduk-penduduk terutamanya orang-orang kampung supaya dapat menyimpan atau menabung wangnya.

Jadi, oleh kerana itu Bank Simpanan Nasional telah membuka beberapa banyak cawangannya di peringkat kampung supaya dapat budaya menyimpan ini diperbanyakkan. Selepas itu barulah kita memikirkan sebagaimana Ahli Yang Berhormat katakan tadi.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu soalan tentang cek pesara. Pesara mempunyai simpanan di BSN dan pesara mendapat cek daripada JPA untuk bayaran bulanan pencen. Setakat hari ini BSN tidak membolehkan menerima cek untuk ditunai melainkan mengambil masa 15 hari atau 7 hari baru diakaun kepada pesara yang berkenaan dan bolehkah beliau mengeluarkan wangnya daripada BSN? Adakah pihak kerajaan akan dapat menyemak supaya cek-cek yang diterima dari JPA kepada pesara dapat ditunaikan seperti mana dilaksanakan di Bank Bumiputera Malaysia Berhad?

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini BSN tidak ada mempunyai 'checking account' tetapi perkara yang telah ditimbulkan tadi boleh dipertimbangkan.

REMISIER URUSNIAGA SAHAM-JUMLAH

8. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman minta Menteri Kewangan menerangkan:

- (a) langkah-langkah konkrit untuk mengatasi masalah tidak cukupnya remisier di dalam industri stock broking. Apakah pendekatan yang diambil oleh Bursa Saham Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah ini secepat mungkin supaya ia dapat mengatasi masalah orang ramai; dan
- (b) apakah kelayakan yang perlu diperolehi oleh seseorang remisier.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada pandangan Kementerian Kewangan, bilangan remisier yang ada pada masa ini adalah mampu untuk menampung urusan sahah dalam industri sekuriti. Setakat 11hb Julai, 1995 sebanyak 6,281 orang telah diberikan lesen sebagai wakil peniaga (remisier). Bilangan ini bertambah dari masa ke semasa bergantung kepada minat masyarakat dalam kerjaya tersebut. Dalam pada itu, kerajaan sentiasa berusaha bagi memperbaiki sistem perlesenan dan pendaftaran remisier supaya proses pendaftaran itu dapat berjalan dengan lebih cepat dan efisien.
- (b) Kelayakan-kelayakan utama bagi seseorang bakal remisier ialah seperti berikut:
 - (i) mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya;

- (ii) berumur 21 tahun ke atas pada tarikh permohonan dibuat;
- (iii) perlu menjalani latihan amali syarikat ahli Bursa Saham Kuala Lumpur.
- (iv) lulus peperiksaan untuk wakil peniaga yang dikendalikan oleh BSKL; dan
- (v) lulus dengan jayanya temuduga yang dijalankan di Pejabat Pegawai Pelesen, Kementerian Kewangan.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah galakan dan bantuan, dengan izin, assistance yang dapat diperolehi oleh yang memang layak kerana ada graduan yang berkelayakan tetapi tidak ada contact, dengan izin diperlukan untuk menjadi seorang remisier yang berjaya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham galakan dari segi apa, tetapi kalau saya boleh menduga apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah galakan dari segi deposit yang perlu diberi kepada syarikat yang pada masa ini adalah RM100,000. Jadi, di sini setakat ini tidaklah ada satu skim khas yang dibuat oleh kementerian, selalunya remisier ini kalau mereka membuat kerja bagus, dia akan dapat return yang tinggi. Jadi, saya fikir tidak perlu dibantu kerana kalau mereka boleh mendapat pinjaman daripada sumber kewangan, saya fikir dia boleh membayar balik dalam masa tiga bulan sahaja.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk mengawal kerja-kerja remisier supaya tidak berlaku penyelewengan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham apakah yang dimaksudkan 'penyelewengan-penyelewengan', di dalam semua profesion ada penyelewangannya. Di dalam kerja remisier ini ada panduan-panduan yang diberi oleh pihak security commission dan juga KLSE yang mana telah dipakaikan. Jikalau Ahli Yang Berhormat ada kes-kes penyelewengan yang dibuat oleh remisier bolehlah melaporkan kepada pihak-pihak tertentu termasuk Kementerian Kewangan.

PROGRAM RAKAN MUDA—KEJAYAAN

9. Puan Hajah Zaleha binti Hussin minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) memandangkan program Rakan Muda merupakan langkah penting kerajaan dalam membentuk remaja ke arah penghidupan yang berjaya, dan dalam pelaksanaan program ini bagaimanakah sambutan para remaja terhadap aktiviti yang dijalankan; dan
- (b) berapa ramaikah remaja yang terlibat dalam menyertai program ini dan berapakah peruntukan kementerian beliau yang disumbangkan di dalam menjayakan program ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Puan Shahrizat binti Abdul Jalil): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sambutan untuk program Rakan Muda setakat ini begitu menggalakan. Seramai 1,033,122 peserta telah mendaftar untuk menyertai berbagai program gaya hidup rakan muda. Dari angka tersebut ternyata ianya dapat menarik minat anak muda Malaysia untuk menyertai aktiviti-aktiviti gaya hidup yang ditawarkan. Dari 10 gaya hidup

yang disediakan, gaya hidup 'rakan rekreasi' mengatasi lain-lain gaya hidup. Sehingga 30hb. Jun, 1995 gaya hidup rakan rekreasi mencapai angka 184,075 diikuti gaya 'rakan wajadiri' dan 'rakan sukan' iaitu 131,937 peserta.

- (b) Untuk tahun 1994, sejumlah RM10 juta telah diluluskan untuk pelaksanaan program Rakan Muda. Sementara bagi tahun 1995 sebanyak RM48,183,600 telah diperuntukan bagi tujuan yang sama. Untuk tahun 1996 dan 1997 masih belum diluluskan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, kita dapati ada 10 gaya hidup dan mempunyai RM10 juta lebih peruntukan dan juga pihak remaja telah memberi sambutan yang begitu baik. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bagaimanakah sambutan belia ataupun remaja di negeri Kelantan kerana setakat ini saya difahamkan bahawa kerajaan Kelantan tidak memberi kerjasama yang baik kepada rakan muda yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sambutan yang diberi oleh remaja di Kelantan begitu menggalakkan, ada lebih kurang 80,000 peserta yang telah mendaftar untuk mengambil bahagian dalam segala aktiviti program Rakan Muda. Walaupun kerajaan negeri Kelantan agak enggan menganjur program-program Rakan Muda, namun begitu pihak kementerian sedang bekerjasama dengan pihak NGO-NGO dan badan swasta supaya dapat meningkatkan pembabitan mereka untuk menjalankan program Rakan Muda.

Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah saya

mendengarkan kata Yang Berhormat tadi, program Rakan Muda sangat menggalakkan dan peruntukannya pun amat canggih. Ingin saya tahu, adakah program rakan muda merasa nikmatnya menyeluruh, dengan izin, sampai ke grassroot, maksud saya rakan muda di kampung-kampung masih tertanya-tanya, ada dari setengah dari setengah tidak merasa?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak merasa canggihnya itu.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman, bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program ini di semua peringkat termasuklah di daerah-daerah dan di kampung-kampung, kementerian berusaha untuk menambah bilangan pegawai di peringkat akar umbi dan di dalam waktu yang sama, kementerian sentiasa memberi latihan kemahiran dan kefahaman bagi meningkatkan profesionalisme pegawai-pegawai dalam melaksanakan program gaya hidup Rakan Muda. Insya Allah, dalam sedikit masa program ini akan sampai ke semua kampung dan daerah yang ada di negeri kita ini.

NACIWID DAN NCWO— PENYELARASAN

10. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) peranan yang telah dimainkan oleh NACIWID semenjak ianya ditubuhkan dan peranan NCWO selepas NACIWID ditubuhkan. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji dan menyelaras supaya kedua-duanya dapat memainkan peranan dan memberi sumbangan dengan secara berkesan dan sistematik; dan

- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menggariskan beberapa pendekatan supaya wanita juga dapat menerima agihan yang sama rata di dalam pembangunan ekonomi negara melalui Kementerian-kementerian lain yang terlibat di dalam rancangan-rancangan yang tertentu. Sebagai contoh, rancangan pembangunan usahawan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Rakan Muda oleh Kementerian Belia dan Sukan dan lain-lain lagi.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tingom anak Kamarau):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, peranan utama Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) ialah mengemukakan pandangan, nasihat serta syor-syor mengenai perintegrasian wanita dalam pembangunan kepada kerajaan dan juga pertubuhan bukan kerajaan. NACIWID juga merupakan badan penyelarar dan penghubung antara pertubuhan-pertubuhan wanita di dalam negeri dan juga organisasi antarabangsa, khususnya di dalam isu-isu wanita. Sebagai sebuah majlis yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili berbagai sektor dan kumpulan, NACIWID menyediakan landasan yang khas untuk mengadakan usaha ke arah integrasi wanita di dalam pembangunan.

NCWO pula adalah Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita yang mempunyai ahli gabungan yang terdiri daripada 74 pertubuhan wanita dan NCWO juga turut menganggotai NACIWID. NCWO adalah di antara pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang telah lama

bergiat bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial. Pertubuhan ini merupakan 'catalyst' yang menggalakan dan mendorong wanita dalam masyarakat oleh kerana ia mempunyai hubungan yang rapat dengan wanita di peringkat akar umbi.

NCWO sentiasa bekerjasama dengan NACIWID dan HAWA dalam mengkaji undang-undang yang bersangkutan dengan wanita, menyediakan khidmat kaunseling, rumah perlindungan wanita, pusat krisis wanita yang bermasalah, mengumpulkan pertubuhan-pertubuhan wanita untuk bekerjasama tetapi tidak bercorak politik, keagamaan atau perkauman dan lain-lain lagi. Buat masa ini, kerajaan belum lagi bercadang untuk mengkaji dan menyelarar supaya kedua-dua Majlis di atas dapat memainkan peranan dan memberi sumbangan dengan secara berkesan dan sistematik di sebabkan kedua-duanya memainkan peranan yang berlainan, iaitu NACIWID sebagai Badan Perundingan dan Badan Penasihat sementara NCWO pula berperanan sebagai pelaksana dan penyelarar program yang telah dirancang dalam usaha membantu kerajaan meningkatkan taraf kemajuan wanita.

- (b) bagi memastikan Kementerian ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi? Saya ingat kita terus pergi kepada jawapan, kemudian, rasionalnya, jawapan yang panjang-panjang itu kita cuba singkatkan sedikit.

Datuk Peter Tingom anak Kamarau: Tidak panjang, saya kira habis lama dua minit, kalau tidak satu minit.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, satu minit.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Bagi memastikan Kementerian ini benar-benar dapat merangka program-program dan projek-projek yang dapat meningkatkan penyertaan wanita secara lebih berkesan, di dalam berbagai sektor pembangunan negara, satu Pelan Tindakan Dasar Wanita Negara sedang disediakan. Pelan tindakan ini akan dijadikan sebagai garis panduan kepada pelbagai agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta dalam merancang dasar, strategi dan projek pembangunan selaras dengan objektif bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA). Penerimaan Pelan Tindakan ini, diharap akan meletakkan wanita Malaysia sebagai golongan yang progresif, dinamis dan seiringan dengan kaum lelaki dalam usaha membangunkan negara dalam mencapai hasrat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ketika bersidang, saya berharap kita kurangkan sedikit percakapan. Bukan tidak dibenarkan bercakap langsung, tetapi cuma berbisik-bisik. Kalau ramai yang bercakap, nanti akan menjejaskan persidangan. Sila Puan Rahaiah.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian sedar bahawa Dasar Wanita Negara telah pun digubal 10 tahun yang lalu dan kini keberkesannya masih boleh dipersoalkan?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Wanita Negara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat telah digubal 10 tahun yang lalu seterusnya, di dalam tahun 1976 ada diwujudkan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan, seperti yang telah saya sebutkan tadi. Oleh kerana Badan Penasihat ini telah berjalan dan kita telah maklum banyak perubahan yang nyata dan banyak pembangunan mengenai wanita telah

kita lihat pada masa ini dalam banyak bidang, umpamanya berkenaan dengan pendidikan, kesihatan dan berbagai bidang seperti usahawan dan politik. Jadi, oleh kerana itu, kerajaan memang sentiasa membuat kajian dari masa ke semasa untuk kebaikan wanita di negara ini.

SIMEN—KEKURANGAN BEKALAN

11. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada beliau sedar tentang kurangnya bekalan simen di negara ini dan apakah sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar tentang kesulitan mendapatkan bekalan simen pada masa ini. Ini adalah disebabkan antara lain:

- (i) permintaan ke atas simen pada tahun ini melebihi jangkaan awal. Ini adalah disebabkan kepesatan pembangunan yang sedang berlaku pada masa ini. Permintaan sekarang dianggarkan meningkat 20%, iaitu lebih tinggi daripada jangkaan awal—14%;
- (ii) kapasiti pengeluaran klinker dalam negeri ialah 8.6 juta tan setahun sedangkan kapasiti pengeluaran simen ialah 12.8 juta tan setahun. Oleh kerana kekurangan klinker, ia harus diimport untuk mengeluarkan simen. Bekalan klinker di pasaran dunia adalah terhad dan pada masa yang sama harganya telah juga meningkatkan;
- (iii) kesulitan bekalan simen juga dikesan akibat kerja-kerja penyelenggaraan kilang oleh beberapa buah kilang pada bulan April dan Mei.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius mengenai isu kekurangan bekalan simen sekarang ini kerana ia memberi kesan negatif kepada pembangunan ekonomi negara. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil antaranya adalah seperti berikut:

(a) Langkah Jangka Pendek

- (i) Oleh kerana pengeluar menghadapi masalah bekalan klinker, kerajaan sedia memberi galakan untuk mengimport klinker. Kerajaan sedang menimbang insentif tertentu bagi memastikan pengeluar mengimport klinker.
- (ii) Peralatan pengimportan simen dan ia adalah terbuka kepada semua pihak.
- (iii) Untuk mengatasi masalah bekalan simen di negeri pantai timur serta ketidakseimbangan pengedaran, kementerian akan menetapkan kuota pengedaran simen mengikut negeri atau wilayah selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961.

(b) Langkah Jangka Panjang

Kerajaan sedang menimbang beberapa insentif menarik untuk menggalakkan pengeluar yang sedia ada serta pelabur-pelabur baru mempertingkatkan kapasiti pengeluaran dan membuka kilang-kilang baru.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN GURU DI BAWAH
SSB—MASALAH**

12. Dato' Ting Check Sii minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) masalah-masalah yang dihadapi oleh 280,000 guru di seluruh negara terutama berkaitan dengan pergerakan gaji tahunan di bawah skim Saraan Baru;
- (b) langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menyediakan rumah guru di Sarawak, khususnya di kawasan luar bandar; dan
- (c) dalam sekolah rendah beraliran bahasa Cina, terutama di kawasan bandar, bilangan murid dalam sesebuah kelas selalu melebihi 50 orang. Ini telah membebankan guru dan juga menjejaskan proses pengajaran pembelajaran dalam kelas. Adakah kebenaran dan peruntukan diberi kepada pihak sekolah yang berkenaan untuk membuka lebih banyak kelas bagi menampung bertambahnya bilangan murid di bandar.

**Timbalan Menteri Pendidikan
(Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sungutan-sungutan yang dikemukakan oleh golongan guru yang berbentuk material adalah berkaitan dengan hal-hal kenaikan gaji tahunan, elaun-elaun yang rendah kadarnya, peluang-peluang kenaikan pangkat dan sebagainya. Khususnya bagi pergerakan gaji tahunan, guru-guru tidak berpuas hati dengan kuota 2% yang melintang dan 3% bagi menegak yang dilaksanakan sekarang. Kebanyakan masalah ini telah dibawa ke perhatian agensi pusat dan dalam kajian bersama.

- (b) Dalam Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 640 unit rumah guru disenaraikan untuk dibina di Sarawak. Sebahagiannya adalah projek baru di sekolah yang baru dibina atau di sekolah yang tiada rumah guru sebelum ini. Sebahagian pula merupakan projek tambahan kepada bilangan rumah guru yang telah sedia ada.
- (c) Bilangan kelas di sesebuah sekolah ditentukan oleh bilangan bilik darjah yang boleh menampung murid di sekolah itu. Selain dari itu, bilangan kelas juga ditentukan oleh bilangan guru di sesebuah sekolah. Kementerian Pendidikan membantu sekolah beraliran bahasa Cina dengan memberi bantuan modal jika sekolah itu bukan bantuan penuh kerajaan. Pemberian bantuan modal ini tertakluk kepada keperluan di sesebuah sekolah dan jumlah peruntukan yang diperolehi oleh Kementerian Pendidikan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pergerakan gaji tahunan guru ini iaitu 2% sama ada menegak ataupun melintang, saya ingin dapat penjelasan daripada kementerian. Apakah cara penilaian yang dibuat ataupun apakah bentuk kriteria yang dibuat dalam menentukan pergerakan gaji guru-guru tersebut?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berasaskan kepada laporan-laporan penilaian yang dikemukakan oleh seseorang guru besar bagi guru-guru di bawahnya dan oleh seseorang pegawai PPD bagi guru-guru besar di daerah tersebut dan ada satu jawatankuasa khas untuk mengkaji laporan-laporan dan markah-markah yang diberi sebelum kita tentukan kumpulan guru yang perlu diberi galakan.

HARTA ALLAHYARHAM TAN SRI P. RAMLEE— PENYELESAIAN

13. Puan Hajah Rahmah binti Salleh minta Menteri Penerangan menyatakan apakah masalah yang menyebabkan harta Allahyarham Tan Sri P. Ramlee tidak dapat diselesaikan sehingga 20 tahun sudah berlalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, kerajaan tidak terlibat dengan masalah hingga menyebabkan kelewatan menyelesaikan masalah harta Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa kelewatan ini berpunca dari waris Allahyarham Tan Sri P. Ramlee masih belum mengemukakan surat kuasa, dengan izin, letter of administrations kepada MACP ataupun Music Author Copyright Protections bagi membolehkannya membayar royalti kepada waris berkenaan.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian menjalankan siasatan terhadap Dato'-Dato' dan Tan Sri-Tan Sri yang terlibat dalam skandal artis? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat ini tidak ada kaitan dengan soalan asal.

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA 1994— LANGKAH DAN TINDAKAN

14. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah langkah dan tindakan pihak kementerian terhadap majikan dalam sektor pembinaan yang masih tidak mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994; dan

- (b) adakah benar laporan yang menyebut kadar 1.4 peratus kemalangan di tempat kerja di Malaysia dianggap tinggi berbanding Jepun, Hong Kong, Taiwan dan Amerika Syarikat.

51. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pengusaha kilang yang telah diambil tindakan oleh pihak kementerian di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994; dan
- (b) apakah bentuk kesalahan yang telah dilakukan oleh pihak pengusaha kilang yang terlibat.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan No. 51 pada hari ini juga yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid sendiri yang mana ianya hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, silakan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Menjawab soalan berhubung jumlah pengusaha kilang yang telah diambil tindakan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pihak pengurusan kilang tersebut, suka saya memaklumkan bahawa bagi tempoh Januari sehingga Mei 1995, sejumlah 4 orang majikan telah disaman kerana tidak mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta tersebut. Jumlah denda yang dipungut adalah sebanyak RM15,000.

Di antara kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pihak pengurusan kilang tersebut termasuklah gagal menyediakan kenyataan bertulis mengenai dasar keselamatan dan kesihatan serta gagal menyediakan loji serta sistem kerja yang

selamat dan sihat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung langkah dan tindakan terhadap majikan dalam sektor pembinaan yang masih tidak mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah mempertingkatkan pemeriksaan di tapak-tapak pembinaan untuk memastikan pemaju-pemaju tapak tersebut mematuhi sepenuhnya aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja dan orang awam seperti yang ditetapkan di bawah Akta tersebut dan juga Akta Kilang dan Jentera 1967.

Jika ada pemaju yang didapati melanggar mana-mana peruntukan di bawah akta-akta berkenaan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan akan mengeluarkan notis Pemberitahuan Larangan atau Pembaikan terhadap mereka. Bagi kes-kes yang begitu serius ataupun yang kerap mengulangi kesalahan, tindakan mahkamah akan diambil terhadap mereka.

Adalah sukar untuk kementerian mengulas laporan yang menyebut kadar kemalangan di tempat kerja di Malaysia pada tahap 1.4% dianggap tinggi berbanding dengan negara-negara Jepun, Hong Kong, Taiwan dan Amerika Syarikat. Ini kerana pada masa ini terdapat perbezaan definisi kemalangan, skop perlindungan dan sebagainya di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut.

Walau bagaimanapun, statistik kemalangan bagi beberapa buah negara bagi tahun 1991 seperti yang terdapat pada Year Book of Labour Statistic 1993 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa menunjukkan kadar kemalangan di negara kita bagi setiap 1,000 pekerja ialah 25. Kadar tersebut adalah sama seperti yang dicatatkan oleh Amerika Syarikat dan jauh lebih baik dari Hong Kong yang mencatatkan angka 32.

Kementerian Sumber Manusia amat serius untuk mengurangkan kadar kemalangan perusahaan di negara ini. Berbagai program meningkatkan kesedaran dan keselamatan dan pencegahan kemalangan dilakukan melalui jabatan dan agensi di bawah kementerian ini seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara.

Usaha-usaha yang dijalankan nyata berhasil jika dilihat pada tahun 1994, kadar kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja telah menurun kepada 18 sahaja. Namun begitu, usaha-usaha akan diperhebatkan untuk mengurangkan lagi kemalangan perusahaan di negara kita pada tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan untuk Jawab Mulut.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 58 akan dijilid dalam buku berasingan)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Chong Kah Kiat): Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat II, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Menteri Pembangunan Usahawan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu Usul seperti mana yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputus, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat II, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selsesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mensyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (10hb Julai, 1995)

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Tuan Rahim menyambung perbahasan.

3.40 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah pun bercakap mengenai masalah pengelasan dan juga masalah penilaian yang mana kuasa ini diberikan kepada Ketua Pengarah Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta ini juga, terdapat peruntukan di mana jika seorang yang membayar cukai tidak bersetuju atau tidak berpuas hati dengan sesuatu pengelasan ataupun penilaian, beliau bolehlah membayar duti kastam berkenaan dengan bantahan. Juga diadakan peruntukan di mana pegawai kastam yang berkenaan hendaklah dalam masa 30 hari daripada pembayaran yang dibuat merujuk perkara itu kepada Ketua Pengarah Kastam untuk keputusannya.

Saya percaya soal membayar lebih ataupun membayar dengan bantahan ini mungkin boleh diterima oleh mereka yang terlibat untuk membayar duti ataupun sebagainya, tetapi apa yang ingin saya persoalkan ialah tentang apabila telah pun diputuskan bahawa sesuatu pembayaran itu adalah melebihi daripada duti yang dikenakan, hendaklah diadakan peruntukan supaya bayaran semula ataupun refund, dengan izin, kepada pembayar duti tadi hendaklah dibuat dalam masa tidak kurang daripada 30 hari selepas Ketua Pengarah Kastam membuat keputusan.

Ini perlu ditegaskan kerana memang menjadi kebiasaan, biasanya apabila kita hendak mendapat balik wang yang telah pun kita bayar kepada kerajaan ataupun yang telah pun kita bayar kepada Jabatan-jabatan kerajaan, kalau hendak dapat refund itu adalah amat sukar sekali. Jadi, kalau ada peruntukan ini, di mana duti-duti yang telah pun terlebih bayar hendaklah dikembalikan kepada yang empunya ataupun pemiliknya dalam masa tidak lebih daripada 30 hari selepas keputusan muktamad dibuat oleh Ketua Pengarah Kastam - kerana maklumlah sahaja, mereka yang terlibat di dalam perniagaan, setiap ringgit yang tertanam ataupun yang berada di dalam akaun kerajaan, ianya tidak dapat digunakan.

Kalau boleh, diadakan juga peruntukan, biasanya kalau kita lambat membayarkan wang kepada kerajaan, kerajaan mengenakan kita denda ataupun

mengenaikan kita interest ataupun faedah. Apakah tidak boleh diadakan peruntukan juga jika pihak kerajaan pula, kalau terlambat membayar dan memulangkan balik kewangan ini hendaklah juga dikenakan faedah yang setimpal, seperti faedah yang dikenakan untuk simpanan tetap? Kerana jika wang itu diletakkan di dalam Akaun Simpanan Tetap, ianya boleh mendatangkan faedah ataupun pulangan kepada mereka yang telahpun membayar lebih.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah fasal 10, dinyatakan di sini bahawa pengemukaan sesuatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan keputusan itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dan hendaklah menjadi keterangan mencukupi mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya tanpa perlu memanggil Ketua Pengarah untuk memberi keterangan di dalam mahkamah.

Saya percaya, kuasa untuk memanggil sesiapa sahaja untuk memberikan keterangan di dalam mahkamah adalah terletak kepada mahkamah sendiri. Saya tidak tahu sama ada peruntukan ini ada percanggahan di antara kuasa yang terdapat pada mahkamah ataupun kuasa yang terdapat di bawah Rang Undang-undang ini. Apakah setelah Ketua Pengarah membuat suatu keputusan, beliau tidak boleh lagi dipanggil ke mahkamah untuk memberikan keterangan? Saya percaya, untuk berlaku adil, Ketua Pengarah juga boleh dipanggil untuk disoal siasat mengapa sesuatu keputusan itu telahpun dibuat mengenai khasnya dalam soal pengelasan dan juga soal penilaian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang ingin saya sentuh ialah mengenai sejak akhir-akhir ini kita telah pun banyak mendengar kes-kes barang rampasan yang telah pun hilang. Perkara ini bukanlah satu perkara yang baru. Ianya telah pun lama berlaku - kemungkinannya kadang kala oleh kerana barang rampasan yang hilang itu terlalu kecil, kemungkinannya tidak dihigh-

lightkan atau tidak diketengahkan dan tidak dihebohkan. Tetapi baru-baru ini, dua tiga hari sudah, kita telah pun membaca di akhbar bahawa rokok kretek yang bernilai lebih daripada RM1.5 juta telah pun hilang daripada simpanan ataupun setor—gudang di Kuala Lumpur dan hari ini kita terbaca di akhbar, penyiasatan juga sedang dibuat di kilang ataupun di setor kastam di Johor Bahru untuk memastikan kes barang-barang rampasan hilang ini. Apabila berlaku barang rampasan hilang ini, ianya telahpun menyulitkan dari segi pengauditan.

Saya mencadangkan, untuk mengatasi perkara ini, dari masa ke semasa, bukannya secara *ad-hoc* seperti yang ada sekarang - apabila telah pun berlaku, telah pun dilaporkan sesuatu kes barang rampasan itu hilang, barulah pihak kastam menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menelitinya. Tetapi saya percaya, pihak kastam sendiri boleh mengadakan *modus operandi* nya sendiri iaitu dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Audit Dalam sendiri yang tetap untuk memastikan supaya barang-barang rampasan - kerana barang rampasan ini adalah sebagai satu barang amanah yang setengahnya akan digunakan apabila sesuatu kes itu akan dibawa ke mahkamah.

Jadi, saya mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Audit Dalam yang dimiliki sendiri oleh pihak kastam untuk meneliti dari masa ke semasa keadaan ataupun kedudukan barang-barang rampasan supaya ianya tidak berlaku kehilangan lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Ding Seling.

3.48 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1957 yang dinamakan Akta Kastam (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, saya mohon supaya diberi peluang untuk membincangkan dua perkara asas - pertama sekali secara umum, dan yang kedua merujuk khusus kepada akta ini.

Yang saya maksudkan umum itu ialah memandangkan Rang Undang-undang Akta Ibu ini ialah yang dibuat dalam tahun 1967 dahulu, maka saya rasa pindaan yang dibuat ini adalah begitu sesuai memandangkan dalam tahun 1967 dahulu, saya rasa memang bilangan dari segi barangan-barangan yang Malaysia import adalah mungkin berkurangan sangat dan sekarang ini memang lebih canggih juga jenis-jenis barang yang kita import. Oleh yang demikian, saya rasa sangat sesuai pindaan ini dibuat dan dengan itu saya ingin merakamkan tahniah kepada kerajaan kerana telah memulakan pindaan.

Yang keduanya, mengenai perkara general atau umum ialah mengenai ports of entry, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum juga apabila sesebuah negara seperti negara kita Malaysia yang giat membangun, maka memang banyakkah import dan eksport. Oleh yang demikian, saya rasa memang ada perlunya dan ada pentingnya membanyakkan ports of entry selain daripada apa yang telah wujud.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian kita khusus seperti selalunya saya bawa ke Sarawak, dan saya bawa kita memikirkan tempat ports of entry, selain daripada tempat-tempat di Kuching, Sibul,

Miri dan bandar-bandar dekat pantai South China Sea, dengan izin. Saya ingin, kita fikirkan ataupun menyarankan kepada kerajaan supaya fikirkan tempat-tempat tertentu dengan izin, boundary dengan negara jiran iaitu negara Kalimantan, Indonesia. Seperti kita sedia maklum ada tempat-tempat ports of entry dari Bahagian Pertama iaitu Bahagian Kuching ada beberapa, tetapi selain daripada itu dan juga daripada Bahagian Kedua, bahagian Sri Aman, selain daripada itu satu lagi ports of entry, dengan izin, bagi yang datang dari Kalimantan ialah di Miri.

Jadi, ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lagi tempat-tempat di mana barang dari negara jiran datang ke negeri Sarawak selain daripada apa yang telah digazetkan di bahagian Kuching. Saya ingin sarankan supaya kerajaan mungkin mengkaji untuk mengadakan tempat-tempat tertentu agar menggalakkan perhubungan komersil di antara jiran yang dahulunya mempunyai hubungan yang begitu rapat dari segi sosial tetapi sekarang ini oleh kerana kita dibahagikan oleh kerana politik, menjadi dua negara, maka adalah susah bagi mereka untuk mengadakan hubungan yang sah selain daripada apa yang saya pernah sebut dahulu dalam Dewan yang mulia ini, menggunakan "jalan tikus" iaitu dengan tidak menggunakan cara yang sah pergi balik di antara boundary itu dengan tidak menggunakan cara yang sah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-undang ini. Saya ingin menyentuh perkara dalam seksyen baru 9A yang berbunyi:

9A. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 9 seksyen yang berikut:

"9A. Any person, not being an officer of customs, who unlawfully wears, uses, possesses or displays otherwise than in the

course of a stage play or other theatrical performance, any prescribed uniform or badge or authority card, or any dress having the appearance of or bearing the distinctive marks of such uniform shall be guilty of an offence under this Act."

Tuan Yang di-Pertua, ini memang jelas sekali tetapi saya ingin tanya soalan yang kecil sahaja. Kita nampaknya tidak merangkumi tempat-tempat di mana kita adakan uniform ataupun uniform itu dipertunjukkan kepada orang ramai seperti misalnya di muzium ataupun tempat-tempat seperti itu. Adakah ini dianggap juga sudah pun disahkan sebagai lawfull ataupun adakah Pengarah Muzium misalnya perlu mendapat kebenaran dahulu daripada pihak tertentu untuk mengesahkan ataupun membenarkan dia display, dengan izin, uniform itu atau mana-mana aspek uniform itu dalam muzium juga ditempatkan seperti tailor, dengan izin, yang membuat uniform?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sentuh seksyen pindaan seksyen 13 iaitu seksyen 13(1)(a) yang berbunyi:

13 (1)(a) The proper officer of customs may, in respect of any dutiable or uncustomed goods,

(a) determine the class of goods to which such dutiable or uncustomed goods belong; and

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua perkara di sini. Pertama sekali dengan menggunakan istilah "proper officer". Saya kurang pasti kenapakah istilah "proper" digunakan dan dalam 13(A) juga digunakan istilah "proper officer". Mungkin kefahaman saya dalam bahasa Inggeris ini kurang jelas tetapi kalau kita gunakan "proper officer" ini nampaknya ada juga officer yang tidak proper, yang tidak sah. Jadi, adakah istilah yang lebih sesuai misalnya "pegawai" ataupun "officer which has been duly appointed"

ataupun dengan menggunakan "officer" sahaja tanpa menggunakan "proper officer" tadi?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi "13(1)(a) determine the class of goods to which such dutiable or uncustomed goods belong". Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya pernah berbual-bual dengan dua golongan businessman, dengan izin....

Tuan Yang di-Pertua: Yang proper? Businessman yang proper?

Tuan Ding Seling: Ya. Businessman yang proper. Ini proper. Ini tidak menyebut mengenai pegawai pula. Pernah berhubung dengan mereka dan mereka telah membuat dakwaan. Ini dakwaan. Saya tidak katakan ini memang sah tetapi saya telah membuat sedikit siasatan dengan mereka. Ada dua perkara yang mereka dakwa iaitu mengenai duti tentang kertas. Seperti kita sedia maklum kertas memang banyak jenisnya, kualitinya dan mereka ini mengatakan bahawa kertas yang diimport oleh pihak-pihak business ini di tempat-tempat tertentu misalnya di Kuching, penjenisan tidaklah begitu spesifik. Mereka hanya katakan ini kertas dan dutinya begini-begini. Tanpa mengatakan kualiti kertas ini adalah yang lebih elok ataupun yang lebih tinggi, maka dutinya berlainan. Ataupun di sebaliknya kualitinya kurang baik ataupun yang hanya lower quality sahaja, dengan izin, maka dutinya kurang. Bagi mereka yang mengimport kertas yang lebih tinggi mutunya tadi, Tuan Yang di-Pertua, mereka memang senang hatilah, ketawalah, oleh kerana kalau duti itu adalah didasarkan kepada kertas yang mempunyai kualiti yang rendah, maka harganya agak kurang, maka quantum dengan izin, kualiti yang dibuat adalah memang rendah. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang mengimport yang lebih rendah, kalau banyak kertas yang lebih rendah kualitinya, maka mereka memang tidak senang hatilah kerana perbezaan dari segi harga yang mereka jual nanti adalah terpaksa lebih tinggi, maka pemasarannya memang susah sedikit.

Saya sebut perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kerana dalam penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri semalam adalah salah satu daripada tujuan Akta ini adalah untuk penyetaraan dari segi pelaksanaannya.

Yang kedua, saya ingin sentuh ialah 13(1)(b) yang berbunyi:

"(b) value, weigh, measure or otherwise examine, or cause to be valued, weighed, measured or otherwise examined such dutiable or uncustomed goods."

Dalam aspek ini, saya ingin bawa lagi kepada perhatian kita dan pihak kementerian berkenaan ini mengenai satu lagi bahan yang diimport di mana dasar menjeniskan bahan yang diimport itu untuk dikenakan duty, dengan izin, tidak sama. Ini mengikut dakwaan pihak yang saya sebut tadi.

Ada yang mendakwakan misalannya iaitu bahan yang diimport untuk retreading of tyres, tayar yang sudah tua untuk diperbaharukan. Mengikut mereka yang berkenaan ada tempat-tempat tertentu dalam Malaysia ini yang mengenakan duti berdasarkan beratnya bahan yang diimport itu. Tetapi ada tempat-tempat yang tertentu yang menggunakan bilangan bahan yang diimport itu.

Jadi, kalau kita meneliti dengan lebih mendalam lagi bilangan atau amaun duti yang dibayar oleh mereka yang terlibat sekiranya yang dikenakan duti menggunakan bilangan berbanding dengan yang dikenakan duti dengan menggunakan beratnya tadi, memang ada bezanya. Jadi, apabila mereka yang terlibat ini akan melihat apakah kesannya nanti sekiranya mereka membayar duti yang lebih oleh kerana menggunakan beratnya kerana mendarabkan satu kilogram dengan berapa ratus kilogram mereka import tadi, pasti bayaran yang lebih daripada mereka yang menggunakan unit kerana yang menggunakan

unit tadi mengikut apa yang didakwakan ataupun yang sebenarnya telah diberikan kepada saya adalah mengikut sliding scale, lebih banyak yang diimport, lebih kurang sedikit dari segi duti yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya telah mengemukakan perkara yang nampaknya menentang sedikit beberapa aspek akta ini tadi, saya sebenarnya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya anggap inilah satu langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menentukan semua aspek perkhidmatan kerajaan adalah begitu efisien dan mementingkan rakyat kita khususnya bagi mereka dalam perniagaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menggulung dan menjawab.

4.03 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba dan Tuan Ding Seling yang telah memberikan pandangan-pandangan mengenai akta ini.

Mengenai saranan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba agar Ketua Pengarah Kastam perlu bersikap adil dan berhati-hati semasa membuat penilaian terhadap barang-barang import terutamanya barang terpakai atau used goods kerana pengimport-pengimport yang tidak bertanggungjawab lazimnya akan mengenakan invoices palsu kepada pihak kastam bagi mengelakkan pembayaran duti kastam yang berlebihan, saya sukalah menyatakan di sini bahawa Ketua Pengarah Kastam dalam melaksanakan kuasa di bawah seksyen 13B ini, beliau akan dibantu oleh pegawai-pegawai kanan dari Cawangan Pengurusan dan Penilaian Ibu Pejabat yang mempunyai kemahiran terkhusus

mengenainya dan sumber maklumat yang mencukupi ke atas harga pasaran terbuka (HPT) barangan import baru dan terpakai untuk dijadikan bahan rujukan, bagi menentukan nilai yang berkenaan.

Mengenai saranan supaya pegawai-pegawai kastam dihantar berkursus di bidang penilaian dan klasifikasi barang, saya suka memaklumkan bahawa Akademik Kastam Malaysia di Melaka (AKMAL) sememangnya ada menjadualkan 3 kursus setiap tahun untuk bidang ini. Selain dari itu AKMAL juga telah diiktiraf oleh Pertubuhan Kastam Sedunia atau World Custom Organization (WCO) dengan izin, sebagai sebuah Akademik Kastam yang bertaraf antarabangsa dan sering menganjurkan kursus atau seminar di bidang Custom Valuation Goods (CAG), dengan izin, dan Harmonize System Classification of Goods yang dihadiri oleh peserta-peserta bukan sahaja dalam negeri bahkan dari ASEAN dan Asia Pasifik.

Mengenai alat pasangan speed trap yang dibangkitkan, sebenarnya Jabatan Kastam telahpun membuat beberapa rampasan kerana alat-alat tersebut termasuk dalam senarai barangan yang dikenakan harga import. Buat masa ini, jabatan sedang mengambil langkah-langkah tertentu supaya pegawai-pegawai yang di barisan hadapan dapat mengenal pasti alat-alat ini tatkala dibawa masuk.

Pembayaran duti secara bantahan yang dibangkitkan oleh Tuan Rahim bin Baba, dia menyarankan supaya bayaran balik kepada pihak-pihak yang terlibat mestilah dibuat tidak lewat daripada 30 hari selepas Ketua Pengarah membuat keputusan. Saya berterima kasih di atas cadangan ini dan perkara ini akan diberi perhatian.

Mengenai peruntukan 22A, ingin saya membacakan pindaan ini dalam bahasa Inggeris yang menyebut:

“Director General shall not be required to give evidence in respect of such decision unless the court otherwise orders.”

Ini bermakna, Pengarah jika perlu boleh dipanggil untuk memberikan keterangan di mahkamah.

Tentang kehilangan barang-barang stor, kes ini sekarang sebenarnya dalam penyiasatan polis dan bagi mengatasi dan mengawasi stor-stor simpanan barangan rampasan ini, pihak kastam sememangnya mempunyai audit dalaman yang akan memeriksa dari masa ke semasa.

Mengenai pertanyaan Tuan Ding Seling, Proper Officer of Custom yang dibangkitkan dengan izin, sememangnya Proper Officer of Custom ini mempunyai definisi di dalam Akta Kastam 1967 iaitu, dengan izin:

“Proper Officer of Custom means any officer of custom acting in the fulfillment office duties under this Act whether such duties are assigned to him specially or generally or especially by implication.”

Jadi, di sini, Proper Officer of Custom itu memang mempunyai definisi yang tertentu dalam Akta ini.

Mengenai penjenisan kertas atau pun klasifikasi barangan yang dibuat sendiri oleh Ketua Pengarah adalah berpandukan kepada analisis kimia ataupun pakar. Ketua Pengarah tidak memperjeniskan barangan ini mengikut sewenang-wenangnya tetapi mengikut klasifikasi yang sedia ada.

Mengenai retreading of tyres, duti import bagi retreading of tyres Kod 4012110-100 ialah 30% atau RM2.50 per kilo, whichever is the higher, dengan izin, Pegawai Kastam akan mengira mengikut yang mana lebih tinggi. Kadar-kadar tersebut telah ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja pandangan yang telah diberikan dan apa-apa pandangan yang

tidak dapat dijawab, saya akan mengambil perkara ini dalam ingatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.10 ptg.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu rang undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa

perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini. Akta Eksais 1976 ialah undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai eksais seperti mana yang telah diterangkan dalam ucapan saya bagi pindaan Akta Kastam.

Pindaan kepada Akta Eksais perlu dibuat khususnya untuk memperketatkan serta memperjelaskan peruntukan Akta untuk membolehkan kawalan hasil yang lebih berkesan.

Fasal 1 memberikan tajuk ringkas Rang Undang-undang.

Fasal 2 bertujuan meminda takrif "gudang berlesen" dalam seksyen 2(1) Akta untuk memasukkan "kedai bebas cukai".

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Tuan Rahim.

Tuan Ding Seling: Maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! lagi sekali....

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Rahim tiada....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ding Seling, tiap-tiap kali saya tidak memakai cermin mata Yang Berhormat Tuan Ding Seling bangun, saya kurang nampak.

Tuan Ding Seling: Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua, saya pun kurang penjelasan dari....

Tuan Yang di-Pertua: (Ketawa) Sekarang sama-sama nampak ya!

4.15 ptg.

Tuan Ding Seling: Ya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Tetapi sebelum saya teruskan, tadi saya terdengar atau mungkin salah pendengaran Rang Undang-undang yang kita bincangkan ini ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 bukan?

Tuan Yang di-Pertua: Akta Eksais 1976.

Tuan Ding Seling: Akta Eksais 1976. Oh! maaf. Terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang ini saya ingin mengemukakan satu dua pandangan.

Yang pertama ialah mengenai pindaan Fasal 2(1) dan seksyen (ba), yang berbunyi:

"(ba) mana-mana kedai bebas cukai yang dilesenkan di bawah seksyen 65D; dan",

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini saya ingin bertanya kepada kerajaan, apabila kita lihat tempat-tempat

atau kedai-kedai bebas cukai yang ada dilesenkan di bawah seksyen 65D ini, biasanya kita memikirkan tempat itu adalah satu tempat di mana kita boleh membeli-belah dengan harga yang cukup murah ataupun bukan murah sahaja tetapi kita boleh membeli barang-barang yang biasanya tidak terdapat di tempat-tempat atau kedai biasa di bandar. Tetapi kita menghadapi beberapa masalah di situ, pertama sekali kita diminta untuk mengenal pasti, khususnya di tempat-tempat seperti di lapangan terbang untuk mengenalpasti kita adalah dari mana. Sekiranya kita hanyalah orang yang baru masuk ke dalam lapangan terbang untuk perjalanan dalam negeri, biasanya kita tidak dibenar untuk membeli apa-apa, walaupun kita hendak membeli. Jadi, mengenai perkara ini saya ingin tahu kenapakah dalam kedai bebas cukai ini yang ada di lapangan terbang perlu menjeniskan orang-orang yang membeli-belah di kedai itu.

Adakah orang-orang dari luar negeri atau datang dari luar negeri sahaja, walaupun orang tempatan kadangkala dibenarkan dan kenapa ia begini? Saya rasa ini kurang adil sedikit, bukan sahaja dari segi mereka yang hendak membeli, tetapi saya rasa dari segi mereka yang mempunyai kedai. Oleh kerana hanya mereka yang dari luar negeri sahaja yang dibenarkan membeli, maka bilangan pelanggan-pelanggan yang boleh membeli adalah begitu kecil, khususnya di tempat-tempat atau bandar-bandar kecil di mana bilangan orang dari luar negeri adalah begitu kecil. Misalnya, di Kuching ada kedai di situ yang menyatakan "bebas cukai", tetapi kita jarang-jarang lihat orang yang membeli, ramai orang yang berjalan-jalan di situ hanya melihat sahaja. Jadi dalam keadaan begitu apakah kemajuan komersil yang ada memandangkan kedai itu memang sedia menunggu orang membeli? Dan ini juga menyebabkan orang yang hendak membeli walaupun perjalanannya dalam negeri, yang mungkin hendak membeli hadiah untuk kawan ataupun ahli keluarga yang "at the end of the journey",

dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi setelah mereka sampai ke lapangan terbang telah lupa membeli barang itu. Jadi, kalaulah dia hendak membeli buah tangan, hendak membeli di lapangan terbang, dia tidak dibenarkan membeli, maka ini akan menghalangkan satu perhubungan sosial bagi dia dengan keluarga atau kawan tadi.

Saranan saya, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak kerajaan membenarkan atau melonggarkan peraturan di mana hanya orang yang datang dari luar negeri sahaja membeli di kedai bebas cukai khususnya di lapangan terbang? Saya juga maklum ada tempat-tempat tertentu dan juga di tempat lain yang menjeniskan pelanggannya, potential customer, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, tadi saya sebut mengenai dari segi orang yang menjalankan perniagaan di kedai bebas cukai. Kalaulah barangannya itu hanya statik sahaja tidak dijual-beli, maka barang ini akan lama di situ khususnya barang yang terlibat dalam....what is the word in bahasa, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa Inggerisnya apa?

Tuan Ding Seling: Bahasa Inggerisnya, mengikut....ini pun sudah hilang. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Dalam bahasa Sarawak?

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Sarawak, iaitu mengikut perjalanan masa ataupun adatnya iaitu dari masa ke semasa tidak lagi laku.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Sudah ketinggalan masa.

Tuan Ding Seling: Ya, sudah ketinggalan zaman. Terima kasih. Dalam keadaan begitu apakah akan terjadi sekiranya barangan itu hanya ada di kedai

tersebut dan tidak dijual maka mereka ini terpaksa menanggung kerugian.

Dengan kata-kata itu, saya ingin mengatakan sokongan saya mengenai pindaan undang-undang ini iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976. Sekian, terima kasih.

4.21 ptg.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ding Seling yang membahaskan Akta Eksais 1976 ini. Bagaimana pula kedai bebas cukai yang dilesenkan di bawah seksyen 65D lazimnya boleh orang-orang awam membeli barang-barang dengan harga yang murah? Penubuhan kedai bebas cukai itu sendiri adalah untuk orang-orang di negara ini yang akan keluar negeri dan satu lagi ialah orang-orang asing yang datang ke negara ini ataupun pelancong yang akan berada di negara ini lebih daripada 72 jam. Orang-orang ini sahajalah yang boleh menggunakan kedai bebas cukai di bawah seksyen 65D.

Bagi concern, dengan izin, Yang Berhormat Ding Seling mengenai tempoh lakunya barang-barang berkenaan kalau tidak dibeli, ini adalah terletak di bawah kementerian lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ZON BEBAS (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.23 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibaca bagi kali yang kedua.

Di sini saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Akta Zon Bebas 1990 adalah undang-undang bagi mengawalselia perjalanan zon perdagangan bebas dan zon perindustrian bebas bagi tujuan khususnya untuk disesuaikan dengan perkembangan semasa dan membolehkan kawalan hasil yang lebih berkesan. Maka selain dari pindaan-pindaan Akta Kastam, Akta Eksais dan Akta Cukai Perkhidmatan, pindaan juga perlu dibuat kepada Akta Zon Bebas.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif bagi perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta.

Fasal 3 bertujuan meminda subseksyen 17(1) Akta dengan memotong perkataan "perindustrian". Dengan pindaan ini, bentuk dan cara penyimpanan

akaun bukan sahaja bagi satu zon perindustrian bebas tetapi juga bagi suatu zon perdagangan bebas hendaklah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 42 Akta untuk menyifatkan pemindahan dari kapal ke kapal dalam had-had pelabuhan zon bebas sebagai pemindahan yang dilakukan di dalam zon itu.

Fasal 5 bertujuan memasukkan tiga peruntukan baru, iaitu seksyen 42A, 42B dan 42C untuk mengawalselia pemindahan barang-barang ke/dan dari zon bebas melalui laut, udara, jalan dan kereta api.

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila, Tuan Ding Seling.

4.27 ptg.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk merakamkan sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bertanya sedikit mengenai takrif yang diberikan di sini, saya mungkin merujuk kepada yang begitu khusus ataupun specific, dengan izin. Jadi, saya memohon maaf kalau nampak corrective ataupun menyinggung perasaan. Saya bukannya seorang peguam (lawyer) tetapi

saya ingin tahu dari takrif yang digunakan di sini iaitu pindaan seksyen 2 Akta ini dalam naskhah sahnya Bahasa Kebangsaan. Saya bacakan di sini dalam Bahasa Malaysia:

“Akta Zon Bebas 1990, yang disebut “Akta Ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1):

(a) dengan memasukkan selepas takrif “Langkawi” takrif yang berikut:

“ “lapangan terbang kastam” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kastam 1967;”;

Saya ingin membawa perhatian kita kepada versi bahasa Inggerisnya. Kalau saya dibenarkan membacanya, ianya berbunyi begini:

“The Free Zones Act 1990, which in this Act is referred to as the “principal Act”, is amended in subsection 2(1):

(a) by inserting after the definition of “commercial activity” the following definition:

“ “customs airport” shall have the same meaning assigned to it under the Customs Act 1967;”;

Kalau kita teruskan dalam beberapa bahagian yang seterusnya, iaitu (b) dan (c), dalam naskhah yang saya terima melalui pos dahulu apabila saya membacanya saya dapati versi dalam bahasa sahih, Bahasa Kebangsaan ini berlainan kalau kita bandingkan dengan dalam bahasa Inggeris. Kalau itu berlainan, yang salah nampaknya adalah yang dalam Bahasa Kebangsaan. Ini tidak selaras dengan apa yang harus dimaksudkan kerana saya ingat kalau kita membaca dengan begitu teliti, ada perbezaan.

Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sebenarnya adalah perkara teknikal. Saya rasa tidak seharusnya sentuh perkara itu tadi, saya hanyalah menyebutkannya sebagai satu peringatan sahaja, dan seterusnya meminta supaya ianya dikajikan.

Dengan kata-kata itu, saya sekali lagi menyatakan sokongan saya kepada akta ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Setiausaha Parlimen menjawab.

4.31 ptg.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ding Seling yang telah memberikan pandangan tentang Rang Undang-undang ini. Seperti biasa kalau ada apa-apa kekeliruan dalam Bahasa Malaysia, kita merujuk balik kepada Bahasa Inggeris, kerana ini adalah versi yang asal.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan:

Dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini. Akta Cukai Perkhidmatan 1975 ialah undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai perkhidmatan. Seperti mana dalam ucapan saya bagi pindaan Akta Kastam, pindaan Akta Eksais, pindaan kepada Cukai Perkhidmatan perlu dibuat untuk mempermudah pihak awam memahami kehendak akta dalam urusan mereka berkaitan cukai ini.

Fasal 2 bertujuan meminda Seksyen 12 Akta untuk menjelaskan bahawa penyata dalam bentuk yang ditetapkan hendaklah menyatakan amaun kesemuanya jumlah hasil-hasil yang diterima oleh seorang yang kena

membayar cukai dalam satu tempoh yang kena dibayar cukai yang tertentu dan bukannya jumlah caj yang dilevikan oleh orang-orang yang dikenakan membayar cukai dalam tempoh yang dikena membayar cukai yang tertentu itu.

Fasal 3 bertujuan meminda Seksyen 14 Akta untuk memperuntukkan bahawa cukai perkhidmatan hendaklah hanya menjadi genap masanya apabila pembayaran bagi perkhidmatan atau barang diterima. Walau bagaimanapun, jika pembayaran bagi perkhidmatan atau barang tidak diterima dalam tempoh enam bulan dari tarikh pengeluaran invoice bagi perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang dijual atau dibekalkan itu, maka cukai perkhidmatan hendaklah genap masanya pada hari yang berikutnya selepas tempoh enam bulan itu. Apa-apa cukai yang genap masanya hendaklah kena dibayar kepada Ketua Pengarah dalam masa 28 hari yang berikutnya selepas tamat tempoh yang kena dibayar cukai itu. Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dan apa-apa perbelanjaan tambahan. Saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tak ada? Ada, Tuan Ding Seling.

4.36 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk merakamkan sokongan atas Rang Undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

Dalam menyampaikan sokongan saya, saya ingin minta sedikit penjelasan mengenai akta ini yang berbunyi akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1995. Apakah sebabnya akta ini begitu lewat dipindahkan, padahal akta yang asal dahulu diluluskan dalam 1975? Adakah kerajaan fikir sekarang bahawa dalam masa 20 tahun yang lalu tidak perlu membuat pindaan mengenai Akta Cukai Perkhidmatan? Kalau sekarang ianya perlu, apakah kerajaan fikirkan dalam masa-masa yang akan datang memandangkan pembangunan ekonomi kita yang begitu pesat sekarang dan kerajaan sedang pun berusaha begitu gigih untuk menentukan pembangunan yang begitu pesat yang lebih daripada pertumbuhan 8% dalam hampir-hampir 10 tahun laluan ini, adakah kerajaan bercadang juga untuk mengkajikan Akta Cukai Perkhidmatan ini dalam 10 tahun yang akan datang? Oleh kerana kita rasa bahawa dalam abad yang akan datang pasti ada banyak perubahan dari segi aspek-aspek yang boleh dikenakan cukai.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam akta ini yang disebut sebagai Akta Cukai Perkhidmatan, saya mahu bertanya perkara ini di sini, tetapi adakah ini hanya cukai atas perkhidmatan sahaja ataupun adakah mengenai perkara-perkara yang lain. Mengikut apa yang dijelaskan tadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi adalah untuk satu-satunya menyelaraskan perkhidmatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin komen di sini ialah bahagian 2, pindaan Seksyen 12. Tadi 12(1) yang berbunyi dengan memasukkan selepas perkataan "amaun kesemua jumlah hasil-hasil yang diterima" perkataan "dalam tempoh yang dikena bayar cukai itu."

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak membaca akta asal ataupun saya ingat apa yang saya telah baca dahulu, tetapi saya ingin tanya di sini kenapakah

frasa atau phrase yang baru ini 'dalam tempoh yang dikenakan bayar cukai' itu perlu dimasukkan, memandangkan apabila cukai dikenakan, ianya ditentukan di masa apabila penilaian dibuat.

Jadi, dalam memasukkan frasa atau phrase yang baru ini 'dalam tempoh yang dikenakan dibayar cukai' itu, adakah ini untuk menentukan ada orang-orang yang ingin mengelakkan pembayaran cukai? Sekiranya begitu, saya rasa ini adalah agak sesuai tetapi kalau tidak apakah ini perlu?

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, walaupun ada satu lagi perkara yang hendak saya timbulkan tadi tetapi saya ingin ringkaskan. Dengan kata-kata itu, saya sekali lagi merakamkan sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, silakan menjawab.

4.42 ptg.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ding Seling yang telah membahaskan Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) ini.

Seperti mana yang telah diperkatakan tadi ialah untuk mengemaskinkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada, kita terpaksa membuat beberapa pindaan-pindaan yang tertentu supaya akta-akta kita itu sesuai dengan keadaan zaman. Dan hasil cukai perkhidmatan ini akan dibuat pindaan dari masa ke semasa seperti yang telah dikatakan tadi oleh kerana pertumbuhan ekonomi kita seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling tadi ialah 8%, jadi ekonomi kita tinggi, kita akan mengutip hasil yang lebih lumayan dan akta-akta ini patut dipinda dari masa ke semasa untuk menyenangkan kita mengutip cukai yang telah dikenakan.

Akta Cukai Perkhidmatan ini ialah kepada professional services, misalnya doctors, lawyers dan sebagainya dan pindaan kepada peruntukan-peruntukan adalah untuk memberi kemudahan kepada pembayar cukai. Jika pindaan tidak dibuat, pembayar cukai perlu mendahului wangnya sendiri yang sepatutnya dipungut dari pelanggan. Jadi, kita memberi, dengan izin, time frame atau time period untuk pembayar-pembayar cukai membayar cukai setelah menerima wang daripada pelanggan-pelanggan yang telah diberi perkhidmatan. Kalau tidak, dia terpaksa membayar wang dari sakunya sendiri dan selepas itu baru mengambil wang daripada pelanggan-pelanggan yang telah menerima perkhidmatan itu.

Jadi, ini adalah untuk kesenangan professional services, dengan izin, doctors, lawyers dan sebagainya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan-pandangan yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tiada apa-apa lagi

yang hendak kita perkatakan, Dewan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang akan ditentukan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.45 petang.